

# PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM SUBJEK AL-QURAN: SATU KAJIAN DI PUSAT PENGAJIAN TERAS, KUIS

Muhammad Izzat Ngah<sup>1</sup>  
Siti Zaleha Ibrahim<sup>2</sup>

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

Dr. Zainora Daud<sup>3</sup>  
*Universiti Sains Islam Malaysia*

## ABSTRAK

*Kemahiran insaniah yang mantap mampu menjadi nilai tambah dalam diri seseorang graduan. Ia juga salah satu strategi bagi tujuan kebolehpasaran mendapatkan pekerjaan. Dengan memilikinya, secara tidak langsung ia membantu graduan mempersiapkan diri sesuai dengan kehendak dan keperluan pasaran kerja. Justeru, penulisan ini mengkaji penerapan kemahiran insaniah kepada pelajar bermula peringkat diploma dan sarjana muda melalui beberapa kursus yang berteraskan al-Quran yang dikelolakan oleh Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras. Kajian menggunakan metode pemerhatian di samping kajian kepustakaan bagi mendapatkan perincian maksud berkaitan kemahiran insaniah. Selain itu, kajian turut memfokuskan permasalahan yang dihadapi oleh tenaga pengajar dalam menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa penerapan kemahiran insaniah dalam subjek al-Quran di peringkat pengajian diploma dan sarjana muda sangat penting bagi menyediakan mereka ke alam pekerjaan kelak. Walau bagaimanapun, penerapan kemahiran insaniah ini dilihat tidak berjaya dipupuk sepenuhnya dalam sesetengah pelajar kerana faktor-faktor tertentu.*

**Kata Kunci:** *Kemahiran insaniah, pelajar, al-Quran, Pusat Pengajian Teras*

## PENDAHULUAN

Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) sering kali diperkatakan di peringkat pengajian tinggi bagi melahirkan graduan yang serba boleh dan bersedia untuk melangkah ke alam kerjaya yang mencabar. Walau bagaimanapun, sewajarnya kemahiran ini diterapkan seawal peringkat sekolah rendah lagi.

Tidak mempunyai kemahiran insaniah sebagaimana yang diperlukan oleh majikan merupakan salah satu faktor kegagalan siswazah mendapatkan pekerjaan. Justeru, kesedaran penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar perlu dipupuk sejak awal lagi bagi melahirkan bakal graduan yang berketerampilan dan berkualiti. Ini sangat

---

<sup>1</sup> Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [muhdizzat@kuis.edu.my](mailto:muhdizzat@kuis.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [sitizaleha@kuis.edu.my](mailto:sitizaleha@kuis.edu.my)

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. [zainora@usim.edu.my](mailto:zainora@usim.edu.my)

penting bagi memenuhi kehendak pasaran kerja dan ia merupakan sasaran utama yang perlu dicapai oleh IPT. Tanpa penguasaan kemahiran insaniah, maka negara akan mengalami kerugian yang besar lantaran aset yang ditinggalkan tidak mempunyai kemahiran seperti yang diperlukan oleh pasaran kerja.

## **2.0 KEMAHIRAN INSANIAH**

Kemahiran insaniah (*Soft Skills*) meliputi aspek-aspek kemahiran generik. Tiada senarai khusus yang berkaitan dengan Kemahiran Insaniah, namun kebanyakannya berkait dengan penguasaan kemahiran seperti kepemimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (KPT: 2006)

Ia juga boleh difahami sebagai *employable skills* iaitu melakukan sesuatu kerja dengan lebih pratikal dan realistik bergantung kepada keupayaan dan kemahiran seseorang. (Abd Razzaq et al :2010). Perlu difahami bahawasanya kemahiran insaniah atau soft skill dan dikenali juga sebagai kemahiran generik ialah kemahiran selain daripada kemahiran bukan akademik, dan ia merentasi pelbagai domain pembelajaran merangkumi aspek keperibadian dan kerja berkumpulan.

Secara umumnya, kemahiran insaniah merupakan kemahiran bukan teknikal atau kemahiran bukan akademik yang merangkumi kemahiran komunikasi secara lisan atau bukan lisan, kerja berpasukan, menyelesaikan masalah secara kritis dan kreatif, mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dan apa jua kemahiran yang tidak kaitan dengan akademik.

Antara kriteria elemen yang terkandung dalam kemahiran bukan akademik ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan dan lain-lain. Berikut merupakan 7 kemahiran insaniah sebagaimana yang digariskan oleh KPT:-

KI 1: Kemahiran Berkomunikasi

KI 2 : Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

KI 3 : Kemahiran Kerja Berpasukan

KI 4 : Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat

KI 5 : Kemahiran Keusahawanan

KI 6 : Etika dan Moral Profesional

KI 7 : Kemahiran Kepimpinan (<http://ppki.usim.edu.my>)

## **2.1 Perincian Elemen Kemahiran Insaniah**

### **2.1.1 Kemahiran Berkomunikasi**

Kemahiran berkomunikasi melibatkan komunikasi yang berkesan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam konteks yang berlainan dan dengan peserta komunikasi yang berlainan. Kemahiran ini merangkumi kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan secara lisan dan bertulis. Selain daripada itu, ia juga meliputi kebolehan seseorang mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif serta memberi maklum balas yang betul dan tepat serta kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.

### **2.1.2 Kemahiran Penyelesaian Masalah Secara Kritis**

Kemahiran penyelesaian masalah secara kritis dalam konteks kajian ini melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan

pemahaman dan pengetahuan kepada baru. Ia merangkumi elemen kebolehan mengenalpasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi. Selain daripada itu, ia turut meliputi kebolehan mengembang dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan di samping kebolehan mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif kepada sesuatu permasalahan.

### **2.1.3 Kemahiran Kerja Berpasukan**

Kemahiran kerja berpasukan melibatkan kebolehan pelajar untuk bekerjasama dalam kumpulan ataupun dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosial budaya untuk mencapai matlamat yang sama. Antara elemen dalam kemahiran ini ialah kebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dengan ahli kumpulan dan kerja secara efektif bersama untuk mencapai objektif, kebolehan memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan, dan kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.

### **2.1.4 Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat**

Pembelajaran berterusan melibatkan usaha belajar berdikari dalam pemerolehan kemahiran dan pengetahuan baru. Ia merangkumi tahap kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber dan kebolehan menerima idea baharu dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi.

### **2.1.5 Kemahiran Keusahawanan**

Kemahiran keusahawanan melibatkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko (risk awareness), kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan. Tiga tahap dalam kemahiran ini ialah kebolehan mengenalpasti peluang perniagaan, kebolehan merangka perancangan perniagaan dan kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan.

### **2.1.6 Etika dan Moral Profesional**

Etika dan Moral Profesional merangkumi kebolehan untuk mengamalkan standard moral yang tinggi dalam amalan profesional dan interaksi sosial. Kemahiran ini juga melibatkan kebolehan memahami kesan ekonomi, alam sekitar dan sosiobudaya dalam amalan professional serta kebolehan menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika.

### **2.1.7 Kemahiran Kepemimpinan**

Kemahiran ini melibatkan pengetahuan tentang teori asas kepimpinan, kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan silih berganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan serta kewibawaan untuk menyelia anggota pasukan atau memimpin projek.

## **3.0 KURSUS AL-QURAN KELOLAAN JABATAN KEFAHAMAN DAN PEMIKIRAN ISLAM, PUSAT PENGAJIAN TERAS, KUIS**

Sejak penubuhan Pusat Pengajian Teras di KUIS pada tahun 2012, Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras bertanggungjawab untuk menawarkan kursus-kursus bersifat Islamik yang merangkumi bidang Fiqh, Akidah, AL-Quran dan lain-lain.

Secara umumnya, jabatan ini menawarkan 6 kursus di peringkat diploma dan 12 kursus di peringkat sarjana muda.

Bagi peringkat diploma, terdapat dua kursus al-Quran yang ditawarkan pada semester satu dan dua iaitu NDWF1011 Tilawah al-Quran dan NDWF1021 Tadabbur Al-Quran. Manakala bagi peringkat sarjana muda, terdapat dua kursus yang perlu diambil iaitu NBWF1011 Pengantar Al-Quran dan NBWF1021 Asas Al-Quran.

Kesemua kursus al-Quran ini adalah bertaraf Wajib Fakulti yang diambil oleh semua pelajar kecuali pelajar Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam dan pelajar Diploma Perguruan Pendidikan Islam. Kedua-dua kursus ini bertujuan memberi pendedahan, pengetahuan dan kefahaman tentang prinsip asas Islam dan Al-Quran serta diajar secara kuliah selama 14 minggu.

### **3.1 NDWF1011 Tilawah Al-Quran**

Kursus ini dijalankan dengan kaedah talaqqi dan musyafahah iaitu guru memperdengarkan bacaan kepada pelajar dan pelajar mengikuti bacaan guru. Pelajar juga dikehendaki menghafaz dan memperdengarkan ayat-ayat yang telah ditetapkan di hadapan guru di samping setiap ayat yang dibaca akan ditafsirkan mengikut tafsiran yang lengkap.

Kursus ini memberikan pendedahan asas kepada bacaan al-Quran secara talaqqi dan musyafahah, ilmu tajwid, hafazan dan pemahaman ayat. Pelajar dapat membaca al-Quran dengan sebutan yang betul mengikut makhraj huruf yang tepat serta memahami tafsiran surah yang telah ditetapkan dengan baik dan mengaplikasi isi kandungan surah tersebut di dalam kehidupan seharian.

Subjek Tilawah al-Quran NDWF 1011 merupakan subjek peringkat diploma bertaraf wajib fakulti. Wajib Fakulti dalam lingkungan niche Pusat Pengajian Teras (PPT) bermaksud kursus teras yang ditetapkan oleh PPT atau kursus yang boleh dipilih dari senarai kursus elektif dari luar PPT yang ditawarkan oleh fakulti lain. Penawaran subjek Tilawah al-Quran adalah kepada semua pelajar diploma semester satu. Walau bagaimanapun, pelajar dari Akademi Islam dan Diploma Perguruan Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan dikecualikan daripada mengambil subjek ini. (Pusat Pengajian Teras: 2015).

Selepas mempelajari subjek ini, pelajar diharapkan dapat mencapai hasil pembelajaran kursus seperti:-

1. Membaca al-Quran dengan bertajwid sebagaimana yang dituntut agama.
2. Memahami dengan betul tafsiran ayat-ayat yang dibaca, seterusnya melakukan apa yang dituntut oleh agama.
3. Menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan mudah dan berkesan.
4. Menyebut setiap kalimah al-Quran dengan betul dan tepat.

Kursus ini berstatuskan 1 jam kredit bersamaan gred kelulusan adalah gred D. Sepanjang 14 minggu pengkuliahan, pelajar akan diajar dengan perkara-perkara berikut seperti definisi al-Quran dan adab-adab membaca al-Quran. Selain itu, ilmu tajwid turut diterapkan dalam pengajaran. Bagi ayat-ayat bacaan, terdapat beberapa surah yang perlu dikuasai seperti surah al-Naba', al-Nazi'at, Abasa, al-Mutaffifin, al-Insyiqaq, al-Takwir,

al-Infitar dan al-Buruj. Manakala untuk hafazan, pelajar perlu menghafal ayat lazim bermula surah al-dhuha hingga al-Nas.

### **3.2 NDWF1021 Tadabbur Al-Quran**

Para ulama memberikan definisi yang pelbagai bagi perkataan tadabbur ini. Daripada takrifan bahasa dan istilah tersebut dapatlah dirumuskan bahawa kalimah tadabbur membawa pengertian pemerhatian, penelitian, renungan serta pengkajian yang dilakukan terhadap makna al-Quran. Hakikat tadabbur berlaku semasa proses memahami ayat-ayat al-Quran dan ia berkait rapat dengan kemampuan seseorang dalam memahami tafsiran ayat. Ini dapat dinilai berdasarkan ilmu yang dikuasainya serta kadar ilham yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepadanya. Ringkasnya, tadabbur al-Quran merangkumi beberapa proses seperti pemerhatian dan penelitian terhadap ayat secara berulang-ulang, berfikir maksud ayat secara intensif serta memahami dan menghayati makna ayat al-Quran dalam konteks kehidupan. (Nurul Zakirah Mat Sin: 2012)

Seperti kursus Tilawah al-Quran, kursus ini juga dijalankan dengan kaedah talaqqi dan musyafahah iaitu guru memperdengarkan bacaan kepada pelajar dan pelajar mengikuti bacaan guru. Pelajar juga dikehendaki menghafaz dan memperdengarkan ayat-ayat yang telah ditetapkan di hadapan guru di samping setiap ayat yang dibaca akan ditafsirkan mengikut tafsiran yang lengkap.

Rasional pemilihan kursus ini ialah memberikan pendedahan asas kepada bacaan al-Quran secara bertajwid, hafazan, pemahaman ayat, asbab al-nuzul dan ilmu-ilmu yang berkaitan. Selain itu, pelajar dapat memahami tafsiran surah yang telah ditetapkan dengan baik dan mengaplikasi isi kandungan surah tersebut di dalam kehidupan seharian.

Terdapat beberapa objektif kursus yang perlu dicapai, antaranya adalah seperti berikut.

1. Memahirkan pelajar cara bacaan al-Quran dengan bertajwid sebagaimana Ia di turunkan.
2. Memahamkan pelajar dengan pemahaman yang betul bagi setiap ayat yang dibaca.
3. Mendedahkan teknik-teknik hafazan yang betul dan berkesan.
4. Membetulkan makhraj huruf pelajar mengikut lajhah arab.

Kursus Tadabbur al-Quran juga berstatus 1 jam kredit. Kursus ini melibatkan masa sebanyak 14 jam bagi satu semester. Sepanjang 14 minggu pengkuliah, pelajar akan diajar dengan perkara-perkara berikut seperti sejarah Al-Quran, perbezaan di antara Al-Quran dan Al-Hadis dan Ulum al-Quran. Selain itu, ilmu tajwid turut diterapkan dalam pengajaran. Bagi ayat-ayat bacaan, terdapat beberapa potongan ayat yang perlu dikuasai seperti beberapa ayat daripada surah al-Baqarah, al-Mukminun, al-Nur, al-Furqan dan al-Qiyamah. Manakala untuk hafazan, pelajar perlu menghafal tiga surah utama iaitu al-Fatihah, al-A'la dan al-Balad.

### **3.3 NBWF1011 Asas Al-Quran**

Kursus Asas al-Quran juga berstatus 1 jam kredit. Ia melibatkan masa sebanyak 14 jam bagi satu semester. Sepanjang 14 minggu pengkuliah, pelajar akan diajar dengan perkara-perkara berikut seperti sejarah Al-Quran dan adab-adab membacanya. Selain itu, ilmu tajwid turut diterapkan dalam pengajaran. Ayat-ayat yang dipelajari adalah terdiri daripada Surah al-Kahfi dan al-Sajadah.

Objektif kursus Asas al-Quran adalah memahirkan pelajar cara bacaan al-Quran dengan bertajwid sebagaimana ia diturunkan, memberi pemahaman yang betul kepada setiap ayat yang dipelajari serta mendedahkan teknik-teknik hafazan yang betul dan berkesan.

### **3.4 NBWF1021 Pengantar Al-Quran**

Seperti kursus al-Quran yang lain, kursus Pengantar al-Quran yang diajarkan kepada pelajar semester dua juga berstatus 1 jam kredit. Kursus ini melibatkan masa sebanyak 14 jam bagi satu semester. Sepanjang 14 minggu pengkuliah, pelajar akan diajar dengan perkara-perkara berikut seperti sejarah Al-Quran, perbezaan di antara Al-Quran dan Al-Hadis dan Ulum al-Quran di samping ilmu tajwid. Surah-surah yang dipelajari adalah seperti al-Fatihah, Luqman, al-Muzammil, al-Mudhatthir, al-Infitar, al-Buruj dan al-Ghashiyah.

Setelah mengikuti kursus ini, pelajar diharapkan dapat mengimplimentasikan bacaan Al-Quran dengan baik di samping memahami tafsiran al-Quran dengan jelas. Diharapkan juga pelajar dapat menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan mudah dan berkesan.

### **4.0 PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH MELALUI KURSUS AL-QURAN**

Penulisan ini akan memfokuskan kepada kursus al-Quran yang bertarafkan Wajib Fakulti dan bukan dalam kategori MPU U2 yang lebih menjuruskan kepada penerapan kemahiran insaniah. Secara umumnya, elemen-elemen kemahiran insaniah tetap diterapkan melalui aktiviti pengkuliah sepanjang 14 minggu. Bagi kursus al-Quran, ia dinilai dari aspek kertas kerja, hafazan, bacaan, ujian syafawi 1 dan ujian shafawi 2 dan peperiksaan akhir.

Kaedah P&P yang dijalankan bagi kedua-dua kursus ini masih bersifat konvensional iaitu terdiri daripada kuliah, pembentangan dan penulisan kertas kerja. Manakala terdapat juga aktiviti yang berpusatkan kepada pelajar tetapi masih di tahap yang rendah. Hasil pembelajaran selama 14 minggu mendapati bahawa terdapat tiga elemen utama kemahiran insaniah dapat diterapkan melalui kedua-dua kursus ini. Elemen tersebut ialah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dan kerja berpasukan.

Penerapan elemen-elemen ini amat membantu pelajar dalam mendapat pekerjaan kelak. Menurut Turner (2000), tiga kemahiran insaniah yang sangat diperlukan oleh majikan di alam pekerjaan ialah kebolehan bekerja berpasukan, kemahiran berkomunikasi serta keupayaan untuk pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Pernyataan tersebut juga disokong oleh Ali @ Alik (2012) yang menyatakan bahawa sebahagian pelajar yang kurang menguasai kemahiran insaniah, antaranya ialah penyelesaian masalah dan komunikasi. Kebanyakan bakal graduan setelah tamat pengajian kurang menguasai kemahiran dari aspek komunikasi, di mana ia merupakan komponen yang penting dalam pengurusan.

#### **4.1 Penerapan Elemen Kemahiran Berkomunikasi**

Kemahiran ini boleh dicapai dalam sesi interaksi pelajar dengan guru, bacaan al-Quran secara individu dan berkumpulan dan penglibatan pelajar di dalam kelas. Bagi kursus al-Quran, tasmik bacaan dilakukan agar tenaga pengajar dapat membetulkan kesalahan bacaan pelajar. Kaedah ini membantu melahirkan pelajar yang mahir dalam menyebut huruf dengan betul (makhraj huruf). Seterusnya pelajar mampu membaca dan mengulang

al-Quran dengan lancar dan meningkatkan keupayaan pelajar untuk mengenalpasti hukum-hukum tajwid di dalam ayat al-Quran. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Rohana (2014), yang mana kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat KUIS berjaya dipupuk serta meningkatkan penguasaan pelajar membaca al-quran dengan hukum tajwid yang betul dan tepat.

Walau bagaimanapun, dengan masa pembelajaran yang terhad, tenaga pengajar kursus al-Quran tidak mampu untuk mendengar bacaan pelajar secara individu. Apabila tenaga pengajar tidak mampu mendengar bacaan, maka amat sukarlah untuknya memperbaiki bacaan pelajar. Secara tidak langsung, tenaga pengajar tidak berkesempatan untuk meningkatkan tahap penguasaan bacaan terutama pelajar yang bermasalah.

#### **4.2 Penerapan Elemen Pemikiran Kreatif Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah**

Penerapan kemahiran ini dijalankan ketika ujian akhir, ujian syafawi 1 dan ujian syafawi 2. Selain daripada itu, sesi soal jawab dalam kelas turut diadakan dan dinilai dengan pandangan yang diberikan. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, lontaran soalan tidak dapat dielakkan sama ada soalan itu daripada tenaga pengajar mahupun pelajar. Ini bertepatan dengan pandangan Shahabuddin et al (2003). Beliau menyatakan bahawa penyoalan merupakan suatu metode yang biasa dan kadang-kadang menjadi dominan dalam suatu sesi pengajaran dan pembelajaran.

Bagi pengajar, mereka akan bertanya sesuatu untuk menguji kefahaman pelajar dan secara tidak langsung mendorong pelajar untuk berfikir secara kritis. Manakala bagi pelajar, sesuatu soalan adalah bagi menjawab permasalahan atau kemusykilan yang timbul.

Selain daripada ujian, penerapan elemen pemikiran kreatif juga dapat diterap melalui bacaan ayat-ayat al-Quran dan kertas kerja. Ini kerana kertas kerja yang disediakan oleh pelajar perlu kepada pena'kulan, penafsiran dan pemahaman ayat-ayat al-Quran.

#### **4.3 Penerapan Elemen Kerja Berkumpulan**

Kemahiran kerja berkumpulan diterapkan dalam penulisan kertas kerja. Bagi kursus al-Quran, penulisan kertas kerja dijalankan secara berkumpulan dengan 3 hingga 5 orang ahli. Setiap pelajar diberikan garis panduan untuk menjalankan penulisan kertas kerja. Sewajarnya ketua kumpulan mengagihkan tugas dengan adil dan saksama. Ini penting bagi mengelakkan pelajar daripada tidak melakukan tugas seperti yang diagihkan. Tidak dinafikan bahawa terdapat pelajar yang suka mengambil kesempatan terhadap orang lain sehingga tidak melakukan tugas sesuka hati.

Dalam aspek akademik, ahli akademik juga tidak dapat lari daripada boncengan gratis. Kebergantungan kepada ahli kumpulan yang lain membuatkan mereka tidak melakukan tugas yang diberikan. Secara tidak langsung, penerapan elemen kemahiran kerja berkumpulan tidak berjaya dilaksanakan. Sewajarnya budaya ini dibendung agar tidak berleluasa dalam kalangan pelajar dan ahli akademik.

### **PENUTUP**

Hasil kajian mendapati bahawa penerapan kemahiran insaniah di peringkat pengajian diploma dan sarjana muda bermula semester satu dan dua sangat penting bagi menyediakan pelajar ke alam pekerjaan kelak. Selain daripada itu, hasil pemerhatian

mendapati penerapan kemahiran insaniah melalui kursus al-Quran tidak dapat berjaya dipupuk sepenuhnya dalam sesetengah pelajar kerana sikap pelajar itu sendiri dan kekangan masa pembelajaran yang terhad. Sewajarnya, pelajar mengambil peluang untuk mempersiapkan dan memperkemaskan diri dengan ketiga-tiga elemen kemahiran seperti yang dinyatakan kerana ia merupakan kriteria utama yang dikehendaki oleh majikan dalam pengambilan pekerja.

## **RUJUKAN**

- Abd Razzaq, A.R., Md Yunos, J., Hashim, J., dan Sawah, N. 2010. *Penerapan Dan Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Proses P&P Bagi Program Pengurusan Hotel Dan Katering Di Politeknik Ke Arah Keperluan Industri*. Dalam : Esa. A. & Mustafa, M.Z. *Kemahiran Insaniah : Kajian di Institusi-institusi Pengajian*. Batu Pahat : Penerbit UTHM.
- Ali @ Alik, A. 2012. *Keberkesanan Penerapan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Institut Kemahiran Mara Di Sabah dan Sarawak*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.
- Huzili Bin Hussin, Azman Bin Zakaria & Muhammad Shukri Bin Salleh. 2008. *Memperkasakan Mahasiswa Kejuruteraan Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah (Soft Skills)*. [smp.polisias.edu.my/upliv2/.../softskillsintro.pdf](http://smp.polisias.edu.my/upliv2/.../softskillsintro.pdf)
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2006. *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (SOFT SKILLS) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Zaki Kamsah, Mohd Salleh Abu & Wahid Razzaly. 2008. *Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) Kepada Pelajar Dalam Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran Di IPTA. Prosiding SKIKS 08*.
- MQA. 2013. *Silibus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)*.
- Mustapa, M. (2007, Julai 14). Ketiadaan Kemahiran Insaniah Punca Siswazah Menganggur, Kata Mustapa. <http://www.bernama.com/>
- Nur Iwani Azmi & Mohamad Hisyam Mohd. Hashim. 2013. *Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Pelaksanaan Pendidikan Asas Vokasional: Transformasi Sistem Pendidikan Di Malaysia*. Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (CiE-TVET 2013).
- Rohana Zakaria, Hayati Hussin, Muhammad Fairuz A. Adi & Mohd Nur Adzam Rasdi. 2014. *Penerapan Kemahiran Insaniah Melalui Kursus Mata Pelajaran I'adah Hifz Al-Quran Program Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat KUIS*. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014).
- Pusat Pengajian Teras. 2015. *Dasar Dan Garis Panduan Penawaran Kursus-Kursus Kelolaan Pusat Pengajian Teras*. Selangor.
- Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir. 2003. *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- <http://ppki.usim.edu.my/en/program/kemahiran-insaniah-ki/pengenalan-ki>  
<http://www.ikim.gov.my/index.php/en/artikel/8444-penerapan-kemahiran-insaniah-tangani-graduan-menganggur>